

UMNO mampu lahir pemimpin berkualiti

UM - 12/05/06

JOHOR BAHRU 11 Mei - Sambutan ulang tahun UMNO ke-60 di Istana Besar di sini yang dihadiri oleh semua lapisan masyarakat Melayu membuktikan bahawa parti itu tetap relevan dan mampu melahirkan pemimpin muda yang berkualiti dan mampu menghadapi segala rintangan dan cabaran pada masa akan datang.

Selain itu, penekanan tentang penguasaan ilmu pengetahuan amat penting dalam melahirkan masyarakat minda kelas satu dan tabah menghadapi segala cabaran demi memastikan perjuangan UMNO berada di landasan yang betul demi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** berkata, perjuangan UMNO masih tetap relevan sehingga hari ini berikutan kebijaksanaan pemimpin terdahulu dalam menyediakan pemimpin-pemimpin pelapis yang menjadi pewaris parti.

"Sambutan yang diadakan ini amat istimewa kerana ia dapat menyemarakkan semula semangat perjuangan UMNO.

"Pada masa yang sama, kita juga perlu sentiasa pandang ke hadapan kerana perjuangan perlu diteruskan," katanya kepada pemberita selepas sambutan ulang tahun UMNO ke-60 di Istana Besar di sini hari ini.

Seorang lagi Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** pula melahirkan rasa bangga kerana sejarah kegemilangan UMNO kembali diraikan di Istana Besar Johor tempat lahirnya parti tersebut pada 11 Mei 1946.

"Ini dapat menyuntikkan lagi semangat perjuangan ahli-ahli untuk memastikan bangsa Melayu terus maju pada masa hadapan," katanya.

Ketua Pemuda UMNO, **Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein** menegaskan, kesemua pemegang amanat rakyat di kalangan pemimpin UMNO perlu menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan dengan ikhlas dan jujur agar perjuangan generasi terdahulu dapat diteruskan.

"Sebagai cucu Datuk Onn, saya berasa amat berbangga apabila melihat niatnya menyatu-padukan orang melayu dapat dicapai.

"Untuk memajukan negara pada masa hadapan adalah terletak pada bahu kita biar apa cabaran sekalipun" katanya.

Naib Ketua Pemuda UMNO, **Khairy Jamaluddin** berkata, ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sambutan kali ini adalah berbeza kerana selain mengimbau perjuangan UMNO, beliau turut memberi penekanan dalam bidang-bidang terkini termasuk Teknologi Maklumat dan Bioteknologi yang dapat memacu kemajuan negara.

"Saya berasa amat berbangga dapat bersama dalam sambutan kali ini kerana kita dapat melihat kejayaan dan kemajuan yang berjaya dicapai oleh bangsa melayu," katanya.

Naib Ketua Wanita UMNO, **Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil** berkata, sambutan ulang tahun ke-60 UMNO yang gemilang hari ini akan menjadi pemangkin kepada generasi muda wanita untuk berjuang lebih gigih bagi memperjuangkan semangat dan maruah bangsa.

"Golongan wanita khususnya yang muda tidak harus melupakan kepada kekuatan UMNO di peringkat akar-umbi sungguhpun kita kini berada di zaman global yang serba maju," katanya.

Ketua Puteri UMNO **Datuk Noraini Ahmad** berkata, sambutan ulang tahun UMNO yang penuh simbolik akan membolehkan generasi muda memahami perjuangan penerus UMNO dulu.

Sementara itu Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis, **Datuk Seri Shahidan Kassim** berkata, penekanan kepada penguasaan ilmu merupakan aset penting dalam mewujudkan masyarakat Melayu minda kelas pertama.

Ahli Majlis Tertinggi, **Datuk Shafie Apdal** berkata, UMNO berada di landasan yang murni kerana ia dibina dengan teliti dan tidak seperti parti pembangkang yang lain.

Seorang lagi ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Mohd. Khaled Nordin** berkata, perayaan ulang tahun UMNO kali ini dapat meningkatkan lagi persefahaman di kalangan ahli-ahli parti.